

MAIWP LANCAR KLINIK BERGERAK FOKUS KESIHATAN ASNAF



DANA WAKALAH ZAKAT KPM BANTU PELAJAR ASNAF



SUMBANGAN BANJIR UNTUK KAKITANGAN & SYARIKAT MILIK MAIWP



BANTUAN ZAKAT DIHULUR TANPA SEMPADAN

MAIWP telah menghulurkan bantuan merentasi sempadan negeri menyantuni mangsa yang terkesan akibat bencana banjir yang melanda negara terutamanya negeri Pahang baru-baru ini. Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Ibni Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah selaku Pemangku Tuanku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) atas limpah perkenan menerima Sumbangan Bantuan di bawah program Sentuhan Kasih MAIWP sebanyak RM2 juta.

Berita selanjutnya muka surat 2.....

Jumlah keseluruhan kutipan zakat harta dan zakat fitrah bagi tahun 2021

RM828,670,791.16

seramai 1,152,297 orang pembayar zakat

Kutipan meningkat

9%

Zakat Harta
RM816,483,466.58

Tahun 2020
RM750,704,218.09

Zakat Fitrah
RM12,187,324.58

Tahun 2021
RM816,483,466.58

Sehingga Disember 2021, MAIWP telah mengagihkan

RM725,144,762.88

menerusi agihan secara langsung dan secara tidak langsung yang terdiri daripada agihan langsung menerusi 30 Skim Bantuan Baitulmal MAIWP.

KUTIPAN DAN AGIHAN ZAKAT DI WILAYAH PERSEKUTUAN 2021

Jumlah keseluruhan kutipan zakat harta dan zakat fitrah bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM828,670,791.16 dengan jumlah keseluruhan pembayar zakat seramai 1,152,297 orang.

Daripada jumlah tersebut RM816,483,466.58 adalah daripada kutipan zakat harta dan selebihnya RM12,187,324.58 zakat fitrah. Jumlah pembayar zakat harta adalah seramai 264,463 orang manakala pembayar zakat fitrah 887,834 orang.

Kutipan zakat harta meningkat sebanyak 9% iaitu daripada RM750,704,218.09 pada tahun 2020 kepada RM816,483,466.58 pada tahun 2021.

Sehingga Disember 2021, MAIWP telah mengagihkan RM725,144,762.88 menerusi agihan secara langsung dan secara tidak langsung yang terdiri daripada agihan langsung menerusi 30 Skim Bantuan Baitulmal MAIWP.

Berita selanjutnya muka surat 8





JUMLAH AGIHAN ZAKAT
MAJLIS AGAMA ISLAM WILAYAH PERSEKUTUAN (MAIWP)

RM725,144,762.88

AGIHAN ZAKAT MENERUSI SKIM BANTUAN ZAKAT RM447,056,289.81	AGIHAN ZAKAT MENERUSI AL-WAKALAH RM102,822,243.11	AGIHAN ZAKAT MENERUSI INSTITUSI PENDIDIKAN & KEBAJIKAN RM17,904,516.11
AGIHAN ZAKAT BAHAGIAN AMIL RM147,234,269.77	PRASARANA UMAT ISLAM RM6,801,080.50	BELANJA PENYELenggaraAN PRASARANA RM3,326,363.58





@maiwpqh MAIWP TV

www.maiwp.gov.my

Bantuan Zakat Dihulur Tanpa Sempadan

Oleh: Sajidah Sulaiman

Istana Abdul Aziz, 19 Januari – MAIWP telah menghulurkan bantuan merentasi sempadan negeri demi membantu menyantuni mangsa yang terkesan akibat bencana banjir yang melanda negeri Pahang baru-baru ini.

Duli Yang Maha Mulia Pemangku Raja Pahang, Tengku Mahkota Tengku Hassan Ibrahim Alam Shah Ibni Al Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah selaku Pemangku Tuanku Yang Dipertua Majlis Ugama Islam dan Adat Resam Melayu Pahang (MUIP) atas limpah perkenan menerima Sumbangan Bantuan di bawah program Sentuhan Kasih MAIWP sebanyak RM2 juta.

Majlis penyerahan replika cek telah disampaikan oleh YB Datuk Haji Ahmad Marzuk Shaary, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) sambil disaksikan oleh Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, Pengerusi MAIWP dan Encik Mohd Nizam Haji Yahya, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP.

Besar harapan MAIWP agar sumbangan yang disalurkan ini dapat membantu mereka yang terjejas tempat berteduh untuk memulakan kehidupan baru kerana dana yang diperuntukkan ini khusus untuk membina rumah.



❖ Terima Kasih Pembayar Zakat. Amanah Anda Kami Laksanakan ❖

MAIWP Lancar Klinik Bergerak Fokus Kesihatan Asnaf



Oleh: Sajidah Sulaiman

Kuala Lumpur, 27 Disember – MAIWP lancar Klinik Bergerak khusus untuk kebajikan para asnaf di Wilayah Persekutuan.

Bas dua tingkat telah dipilih sebagai medium Klinik Bergerak ini atas faktor keluasannya dan memberi keselesaan para pesakit yang mendapatkan rawatan.

Menurut Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, sebagai permulaan Klinik Bergerak ini akan lebih tertumpu di kawasan banjir yang melanda negara terutamanya di Selangor.

"RM800 ribu telah diperuntukkan untuk Klinik Bergerak ini dari segi perubatan, rawatan, ubat-ubatan". "Kalau ada kes-kes kecemasan ambulans juga ada membawa mangsa ataupun pesakit yang perlu mendapatkan rawatan lebih lanjut ke hospital terdekat". ujar Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar.



Tambah beliau MAIWP ingin berada dekat dengan masyarakat yang memerlukan bantuan sama ada di Wilayah Persekutuan mahupun di negeri-negeri berhampiran dan penggunaan Klinik Bergerak ini akan digunakan semaksima mungkin.

Simbolik penyerahan Klinik Bergerak MAIWP telah disampaikan oleh Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, Pengerusi MAIWP kepada Dr. Ahmad Sani Araby, Ketua Pegawai Eksekutif MAPIM Malaysia.

Buat masa ini, klinik ini akan bergerak di sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur tiga hari seminggu dan kawasan perumahan yang mempunyai kepadatan yang tinggi.

"RM800 ribu telah diperuntukkan untuk Klinik Bergerak ini dari segi perubatan, rawatan, ubat-ubatan".

Yayasan Taqwa MAIWP Suntik Dana Bantu Mangsa Banjir

Oleh: Sajidah Sulaiman

Hulu Langat, 31 Disember – MAIWP menerusi Yayasan Taqwa MAIWP salur dana sebanyak RM50,000 kepada Pertubuhan Kasih Neelofa bantu mangsa banjir di Taman Sri Nanding, Hulu Langat, Selangor.

Jalanan kerjasama ini adalah bertujuan mengagihkan alatan pembersihan untuk meringankan beban mangsa banjir bagi proses pembersihan rumah yang terjejas akibat banjir kilat yang berlaku pada 19 Disember 2021 lalu.

Sebanyak 300 rumah telah dikenal pasti berdasarkan keadaan rumah yang paling terkesan dan dibantu dengan mengedarkan 300 set water jet, toto, paip getah dan alatan pembersihan.

Dalam pada masa yang sama YB Datuk Halimah Mohamed Sadique, Menteri Perpaduan Negara yang ditemui di Surau Al Munir Taman Sri Nanding amat terharu kerana MAIWP telah menempatkan kakitangan dan pelajar PICOMS untuk memberikan rawatan kepada penduduk setempat.



Manakala Idayani Ab Ghani, Pengajar Klinikal PICOMS berkata lebih 20 penduduk akan hadir ke Surau Al Munir untuk mendapatkan rawatan susulan dan menerima ubat-ubatan secara percuma.

Musibah banjir telah menyatukan ummah tanpa mengira bangsa dan agama, rakyat dan agensi zakat terus bergerak menyantuni mereka yang terjejas.

Terima kasih pembayar zakat, melalui dana zakat bantuan dapat disalurkan demi membantu mereka meneruskan kelangsungan hidup.

Meremaja Wakaf Fokus MAIWP Tahun 2022

Oleh: Sutera Manis

Kompleks Darul Kifayah, 25 Januari – MAIWP telah melancarkan Tahun Wakaf Wilayah Persekutuan 2022 dalam usaha mengaktifkan sumber baharu dana bagi menyantuni masyarakat Islam di Wilayah Persekutuan.

Gimik Majlis Pelancaran Tahun Wakaf Wilayah Persekutuan Tahun 2022 telah dirasmikan oleh YB Senator Tuan Haji Idris Ahmad, Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) disaksikan oleh YB Datuk Ahmad Marzuk Shaary, Timbalan Menteri di JPM (HEA) dan Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, Pengerusi MAIWP, bertempat di Kompleks Darul Kifayah, Batu Muda, Kuala Lumpur.

YB Senator Tuan Haji Idris turut menekankan agar semua agensi agama sentiasa berusaha menterjemahkan Wawasan Kemakmuran Bersama 2030



menerusi Pelan Strategik Hal Ehwal Agama (HEA).

5 kluster utama menerusi pelan ini adalah kesejahteraan sosial melalui pembangunan modal Islam menerusi transformasi penyampaian perkhidmatan dengan penambahbaikan dasar dan perundangan bagi terus memperkasa sosioekonomi masyarakat



Islam khususnya dan Malaysia amnya.

YB Senator Tuan Haji Idris turut menyampaikan amanat sempena tahun baharu 2022 yang dihadiri oleh 14 wakil Agensi Agama di bawah JPM Hal Ehwal Agama.

Dalam majlis tersebut juga MAIWP diwakili oleh Encik Mohd Nizam Haji Yahya,

5 KLUSTER UTAMA

menerusi pelan ini adalah:

kesejahteraan sosial melalui pembangunan modal Islam menerusi transformasi penyampaian perkhidmatan dengan penambahbaikan dasar dan perundangan bagi terus memperkasa sosioekonomi masyarakat Islam khususnya dan Malaysia amnya.

Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP telah menyerahkan simbolik replika cek Bantuan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) KAFA di Wilayah Persekutuan berjumlah RM1.8 juta dan Bantuan Elaun Guru KAFA di Wilayah Persekutuan Tahun 2022 sebanyak RM11.52 juta kepada Datuk Mohd Ajib bin Ismail, Pengarah Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan.

Revolusi Asnaf Matlamat Menteri Agama

Oleh: Sajidah Sulaiman

Kompleks Darul Kifayah, 25 Januari - YB Senator Tuan Haji Idris Ahmad Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) tekad membangunkan asnaf agar mereka berdaya maju dan bersaing membina kehidupan yang lebih selesa.

YB Senator Tuan Haji Idris turut berharap agar peluang yang diberikan oleh pihak MAIWP ini dapat diaplikasikan sebaik mungkin agar produk asnaf dapat dipasarkan di pasaran Malaysia. Beliau berkata demikian ketika melancarkan Projek Agroprenuer Asnaf di Laman Tani Darul Kifayah.

Turut hadir mengiringi YB Menteri, YB Datuk Ahmad Marzuk Shaary, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, Pengerusi MAIWP dan Encik Mohd Nizam Haji Yahya, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP.




MAIWP telah melaksanakan inisiatif baharu melalui Projek Laman Pertanian Bandar di bawah Program 'Pembangunan Lestari' MAIWP dengan kerjasama Unit Peneraju Agenda Bumiputera (TERAJU), Jabatan Perdana Menteri (JPM) dan Syarikat Grasicili.

Seramai 10 orang asnaf Agroprenuer telah menerima surat lantikan sebagai peserta Program Agropreneur MAIWP.



Medium Pendidikan Mengubah Nasib Asnaf

Oleh: Sajidah Sulaiman



Kuala Lumpur, 10 Januari – Pendidikan merupakan medium yang tepat disantuni untuk memajukan golongan asnaf yang tercicir agar ia dapat mengubah nasib mereka.

Golongan asnaf perlu dikeluarkan daripada lingkungan kemiskinan dan bukan hanya dibantu daripada aspek kewangan. Hanya melalui medium pendidikan sahaja, kehidupan para asnaf dapat diubah daripada penerima zakat kepada pembayar zakat.

Perkara ini ditekankan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Tuan Haji Idris Ahmad pada Majlis Pengumuman Prestasi Kutipan dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan 2021 di Wisma PPZ.

Tambah beliau, WIFI percuma juga bakal ditempatkan di masjid-masjid dan PPR di Wilayah Persekutuan agar asnaf dapat menggunakan perkhidmatan ini dengan sebaiknya.

Ia juga memudahkan anak-anak asnaf untuk menjalani sesi PDPR serta dalam masa yang sama, peniaga dari kalangan asnaf boleh menggunakan kemudahan ini untuk perniagaan mereka secara maya.

Hadir pada program ini Pengerusi MAIWP, Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar dan Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP, Encik Mohd Nizam Haji Yahya.

Dana Wakalah Zakat KPM Bantu Pelajar Asnaf

Oleh: Sajidah Sulaiman

Putrajaya, 14 Januari – Majlis Penyerahan Bantuan Komputer Riba kepada 42 pelajar asnaf di bawah Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) telah diadakan di Auditorium Kompleks E, Putrajaya.

Objektif utama program ini adalah untuk memudahkan mereka mengikuti kelas secara Pelaksanaan Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah (PdPR) dan sesi pelajaran mereka berjalan dengan lancar.

Serahan mock cheque Wakalah KPM bernilai RM941,517.00 telah disampaikan



oleh Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, Pengerusi MAIWP kepada YB Datuk Dr. Mohd. Radzi Md. Jidin, Menteri Kanan Pendidikan Malaysia.

Individu yang ingin melaksanakan tanggungjawab Rukun Islam ke empat iaitu menunaikan zakat melalui medium Zakat Wakalah mahupun Zakat Pendapatan dan Harta di <http://www.zakat.com.my> atau boleh saja menghubungi Talian Zakat 1-300-88-5757 untuk sebarang soalan mengenai pembayaran zakat.



TAHUN 2021 TAHUN INOVASI MAIWP

Oleh: Sutera Manis

Kuala Lumpur, 7 Januari – Tahun 2021 merupakan tahun inovasi buat MAIWP. Banyak penambahbaikan dalam sistem perkhidmatan yang MAIWP memperkasakan bagi memastikan asnaf terus disantuni dalam mengharungi pandemik yang melanda negara.

Pelbagai inisiatif bantuan telah diperkenalkan selain pelancaran Skwad

MAIWP Rider Team (MRT) yang bertujuan memastikan tiada asnaf yang kelaparan selain membantu menyalurkan keperluan makanan kepada mereka yang menjalani kuarantin sendiri.

Berikut antara petikan yang dinyatakan oleh Encik Mohd Nizam Haji Yahya, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP pada Majlis Perhimpunan Bulanan MAIWP bagi bulan Januari 2022 yang telah diadakan secara fizikal di Ibu Pejabat MAIWP di Kuala Lumpur.

Tambah beliau, “MAIWP telah menggerakkan bantuan banjir menerusi Program Sentuhan Kasih MAIWP-Misi Banjir Fasa 1 yang telah dikoordinasi secara bersama MAIWP dan anak syarikat MAIWP dalam menyalurkan bantuan awal berbentuk kewangan dan peralatan keperluan diri”.

“Program ini kemudiannya diperkasakan dengan penambahan peruntukan sebanyak RM35 juta di bawah Program



Sentuhan Kasih MAIWP-Misi Banjir 2.0 yang kini diperluaskan kepada mangsa banjir di luar Wilayah Persekutuan”, ujar Encik Mohd Nizam.

Hadir sama Encik Mahadi Sukarno, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIWP.

Pada majlis ini, turut diraikan 16 pegawai yang menerima surat kenaikan pangkat, empat penerima Anugerah Pegawai Berprestasi Bulanan Oktober 2021 dan 14 pegawai yang telah bersara turut diraikan dengan sesi memotong pulut kuning.

Unit i-SKILLpreneur IKB juga telah mengambil peluang mengadakan pameran jualan produk hasil pelatih sebagai promosi dan pengenalan hasil karya dan produk pelatih IKB Sesi 2019/2021.

Antara produk yang dipamerkan jahitan seni sulaman tangan, manik dan labuci yang telah dihasilkan oleh pelatih Program Rekaan Fesyen dan Pembuatan Pakaian



Pusat Autisme PDRM - MAIWP Dapat Perhatian Yayasan Bank Rakyat

Oleh: Sutera Manis

Kuala Lumpur, 12 Januari – Prihatin dengan keperluan penjagaan khas anak-anak autisme, MAIWP dan PDRM telah menjalinkan kerjasama strategik dalam menubuhkan Pusat Autisme PDRM.

MAIWP telah menyumbang sebanyak RM850,000.00 kepada penubuhan pusat autisme atas dasar keprihatinan dan tanggungjawab kepada badan beruniform ini.

Pusat Autisme PDRM dibangunkan pada Ogos 2020 dengan kerjasama PDRM dan Genius Kurnia manakala operasi dilaksanakan oleh Yayasan Pengaman Malaysia. Kini seramai 23 kanak-kanak autisme dibantu enam tenaga pengajar ditempatkan di pusat ini.

Memahami kos operasi yang tinggi perlu ditanggung dalam pengurusan pusat autisme, Yayasan Bank Rakyat menyumbang RM100,000 kepada Pusat Autisme Polis Diraja Malaysia (PDRM).

Replika cek diserahkan oleh Pengerusi Yayasan Bank Rakyat, Datuk Megat Zulkarnain Oardin kepada Ketua Polis Negara Tan Sri Acryl Sani Abdullah Sani.

Turut hadir Pengerusi MAIWP, Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar dan Pengerusi Yayasan Pengaman Malaysia Tan Sri Norian Mai.



MAIWP Santuni Mangsa Banjir Di Kampung Bukit Lanchung

Oleh: Sajidah Sulaiman

Shah Alam, 1 Januari – Cuti Umum sambutan tahun baru 2022 digunakan sebaiknya oleh barisan Pengurusan Tertinggi MAIWP dengan menyantuni mangsa banjir di Kampung Bukit Lanchung, Shah Alam, Selangor.

Untuk lokasi hari ini, sebanyak 100 set bantal, cerek air dan periuk nasi disumbangkan oleh Yayasan Taqwa MAIWP.

Sumbangan telah disampaikan oleh Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, Pengerusi MAIWP kepada penduduk setempat yang terjejas.

Hadir sama pada majlis ini, Datuk Aziz Jusoh, Timbalan Pengerusi MAIWP, Tan Sri Dato' Sri Syed Zainal Abidin Syed Mohamed Tahir, Ahli MAIWP dan Encik Mohd Nizam Haji Yahya, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP.

Pada kejadian banjir yang lalu, paras air di kawasan ini telah naik dengan deras hingga menenggelamkan atap rumah.



Mangsa tanah runtuh dan kebakaran disantuni

Oleh: Nur Nazlia

Kuala Lumpur, 15 Januari – Skuad Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP turun padang menyantuni dan menjalankan banciaan terperinci terhadap mangsa tanah runtuh di Kampung Sungai Penchala, Kuala Lumpur.

Banciaan ini dilaksanakan untuk mengenal pasti kerosakan dan kerugian yang dialami oleh mangsa akibat kejadian tanah runtuh pada Disember tahun lepas.

Ini merupakan sebahagian daripada fasa Program Sentuhan Kasih MAIWP 2.0 yang bertujuan untuk membantu mangsa-mangsa musibah tanah runtuh dan banjir di Wilayah Persekutuan dalam bentuk wang tunai, baik pulih kediaman, premis perniagaan dan kenderaan. Rata-rata yang ditemui mengadu rumah mereka musnah, rosak teruk dan perkakas serta perabot rumah mereka tidak dapat digunakan semula.

Sejurus menyantuni mangsa tanah runtuh di Kampung Sungai Penchala, skuad seterusnya bertolak ke Rumah Panjang Bukit Kiara, Taman Tun Dr. Ismail (TTDI) menyantuni mangsa kebakaran yang berlaku di sana.

Seramai 5 buah keluarga yang terlibat dengan musibah yang berlaku pada 9 Januari lalu telah mengakibatkan rumah mereka musnah dan hangus dijilat api.



Skuad yang turun bersama sama YBhg. Datuk Daniel Ling dan Tuan Haji Ali Jaffar daripada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Sub Zon 2, Segambut menyerahkan kit musibah dan kit barangan makanan kepada semua mangsa yang terlibat.

Pihak Skuad juga memohon agar mana-mana mangsa yang terjejas akibat banjir dan tanah runtuh masih belum dibanci boleh melaporkan kepada Skuad Jejak Asnaf di Hotline Musibah (01159359545)



atau hadir terus ke Ibu Pejabat Baitulmal MAIWP.

*Terima Kasih
Pembayar Zakat,
Amanah Anda Kami
Tunaikan.*

Bantuan Perniagaan - Motorsikal OKU

Oleh: Sajidah Sulaiman



Kuala Lumpur, 7 Januari – Bantuan Motosikal OKU bernilai RM9,915.00 telah disalurkan kepada Encik Abdullah Baharuddin yang merupakan Orang Kurang Upaya (OKU), lemah jari kaki & tangan sebelah kiri yang juga penerima Bantuan Bulanan MAIWP.

Beliau merupakan seorang usahawan pisang goreng di Taman Sri Sentosa, Kuala Lumpur dengan pendapatan bersih RM400.00 sebulan.

Atas dasar prihatin dan tanggungjawab, MAIWP telah bersetuju untuk menyalurkan Bantuan Perniagaan iaitu sebuah motosikal untuk memudahkan urusan perniagaan beliau.

Terima Kasih Pembayar Zakat Amanah Anda MAIWP Laksanakan.

MAIWP - Media Prima Bantu Mangsa Banjir Di Karak

Oleh: Sajidah Sulaiman

MAIWP menerusi Badan Kebajikan Pekhidmat MAIWP (BKPM) telah menjalankan kolaborasi buat julung kalinya bersama Kelab Media Prima, Rakan Media Prihatin dan Pertubuhan Prihatin Muhibbah Kuala Lumpur dan Selangor.

Pelepasan Skuad Cuci-Cuci MAIWP telah disempurnakan oleh Encik Mohd Nizam Haji Yahya, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP di Kompleks Darul Kifayah, Batu Caves, Selangor.

Encik Mohd Nizam Haji Yahya yang ditemui berkata seramai 60 sukarelawan menyertai misi bantuan banjir pada hari ini yang mana bantuan pembersihan, bekalan makanan dan perubatan akan digerakkan ke Kampung Tanjung Karak, Pahang.

BKPM turut mengambil inisiatif menyalurkan beberapa bantuan yang bersesuaian untuk kegunaan mereka pasca musibah banjir antaranya kit makanan, kit peralatan ibadah, kit peralatan pembersihan, dan barangan elektrik.

Encik Khairuzzaman Haji Mohammad, Pengerusi Kelab Media Prima berkata menerusi jalinan kerjasama misi banjir ini, Media Prima dapat menjalinkan kerjasama dua hala bersama MAIWP dan pastinya pelbagai rencana bakal dirangka demi kebajikan asnaf di Wilayah Persekutuan.

Dato' Dr. Vinodt@Nagaraju, (Pemerintahan Agong) Persatuan Kecemasan Sukarelawan Malaysia (PKSM) turut bekerjasama untuk misi banjir kali ini dengan menyediakan dua buah ambulan dilengkapi bantuan kesihatan dan bekalan makanan untuk dibawa ke Karak



menyantuni mangsa yang memerlukan.

MAIWP amat menghargai kesudian beberapa sukarelawan yang telah turun padang bersama-sama membanting tulang dan menggalas beban demi memberikan sinar keceriaan kepada mereka yang sedang diuji.

MAIDAM Salur RM200,000 Kepada MAIWP Bantu Mangsa Banjir


Oleh: Aida Sazali

Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Terengganu (MAIDAM) bersetuju untuk menyalurkan sumbangan berjumlah RM200,000.00 kepada MAIWP sebagai tanda prihatin terhadap mangsa banjir di Wilayah Persekutuan.

Replika "mock cheque" telah disampaikan oleh Tuan Haji M.Rozi Bidin, Ketua Pegawai Eksekutif MAIDAM kepada YBhg. Tan Sri Dr. Mohd Daud Bakar, Pengerusi MAIWP.

Hadir sama pada majlis ini Encik Ahmad Talmizi Yahaya, Pengurus Bahagian Baitulmal MAIWP.





SOROTAN SKUAD JEJAK ASNAF SEPANJANG JANUARI 2022

IBU TUNGGAL TANGGUNG ANAK OKU RISAU DIUSIR KELUAR

Demi kelangsungan hidup, Puan Ros yang merupakan seorang ibu tunggal mengambil upah mengasuh anak-anak jiran untuk meneruskan kelangsungan hidup.

Dengan jumlah pendapatan yang tidak seberapa, beliau tidak mampu untuk membayar tunggakan bil utiliti yang mencecah ribuan ringgit.

Puas Ros dikehendaki mengosongkan rumah sewa pada akhir bulan Januari 2022 runsing kerana kekangan wang yang dihadapinya membuatnya susah untuk mencari rumah sewa yang baru.

Prihatin dengan kesulitan yang dialami, Skud Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP telah menyerahkan borang Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Menyelesaikan Hutang dan Bantuan Sewa Rumah untuk mengurangkan beban yang ditanggung.



NOJA SURAU PERLUKAN BANTUAN SARA HIDUP DAN BAIKI RUMAH

Rumah yang diduduki sejak tahun 1983 ini kini dimamah usia dan mula mengalami kerosakan bumbung dan siling.

Beliau cuba membaiki kerosakan bumbung dan siling rumah, namun disebabkan faktor usia dan tahap kesihatan menyukarkan beliau untuk baiki kerosakan tersebut.

Dengan pendapatan sebagai noja sebuah surau terdekat beliau yang masih menanggung isteri dan anak yang masih tidak bekerja kadangkala terputus barangan makanan.

Skuad yang menziarahi Haji Jamil di rumah beliau telah mencadangkan agar beliau dibantu dengan Bantuan Kewangan Bulanan dan Bantuan Baiki Rumah.

BANCIAN DI JALAN TIONG NAM, BUKIT BINTANG

Skuad Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP turun padang untuk menjalani bancian terhadap mangsa banjir di Jalan Tiong Nam, bawah Parlimen Bukit Bintang.

Bancian ini penting untuk mengenal pasti kerosakan dan kerugian yang dialami oleh mangsa akibat kejadian banjir lumpur yang berlaku pada 18 Disember lepas.

Ini merupakan sebahagian daripada fasa Program Sentuhan Kasih MAIWP 2.0 yang bertujuan untuk membantu mangsa-mangsa banjir di Wilayah Persekutuan dalam bentuk baik pulih kediaman, premis perniagaan dan kenderaan.

Rata-rata yang ditemui mengadu perkakas dan perabot rumah mereka rosak teruk dan terpaksa dibuang berikutan ditenggelami air setinggi 2 meter.

Pihak Skud juga meminta agar mana-mana mangsa yang terjejas akibat banjir tempoh hari tetapi belum dibanci untuk melaporkan kepada Skud Jejak Asnaf di Hotline Musibah (011 5935 9545) dan datang ke Ibu Pejabat Baitulmal MAIWP untuk mendapatkan Kit Musibah Khas Banjir sekiranya memerlukan.



"Bancian ini penting untuk mengenal pasti kerosakan dan kerugian yang dialami oleh mangsa"

TERTUNGGAK BIL UTILITI LEBIH SETAHUN

Mencari rezeki sebagai pembantu pasar malam, namun dengan pendapatan yang terhad, keluarga ini sering terputus perbelanjaan sehinggakan bayaran bil api tertunggak lebih setahun.

Menanggung 6 orang anak yang masih kecil ditambah pula isteri seorang suri rumah sepenuh masa, keperluan makanan harian dan lampin pakai buang menjadi keutamaan untuk anak-anak.

Skuad Jejak Asnaf Baitulmal MAIWP turun menyantuni mereka dan menawarkan Bantuan Kewangan Bulanan, Bantuan Sewa Rumah dan Bantuan Menyelesaikan Hutang untuk mengurangkan beban yang ditanggung.



ZIARAH PESAKIT KANSER USUS



Skuad Jejak telah turun ke Jinjang Utara menziarahi keluarga Encik Muhammad. Beliau merupakan seorang mualaf, yang terpaksa berhenti kerja untuk menjaga isteri beliau yang terlanter sakit kerana kanser usus dan mempunyai seorang anak.

Isterinya, Puan Suyahni, lemah dan tidak bermaya bergantung sepenuhnya kepada bantuan suaminya untuk menguruskan diri.

Berdasarkan maklumat yang diperolehi, keadaan isterinya sangat kritikal sehingga pihak hospital memberitahu tiada apa-

apa yang boleh dijalankan lagi untuk merawatnya.

Pihak Skud melafazkan rasa simpati terhadap nasib yang dialami keluarga ini dengan menyerahkan Kit Jejak Asnaf, dan menawarkan Bantuan Kecemasan, Bantuan Perubatan Am, serta Bantuan Kewangan Bulanan daripada Baitulmal.

Mudah-mudahan dengan usaha ini dapat meringankan beban yang terpaksa ditanggung.



SKUAD BANTU PENYAMBUNGAN BANTUAN BULANAN BALU 75 TAHUN

Tinggal seorang diri sejak tahun 2013 selepas kehilangan suami, Makcik Ropeah berusaha untuk menempuh hidup walaupun tanpa sesiapa di sisi.

Umur semakin dimamah usia dan kesihatan yang semakin merosot memaksa Makcik Ropeah untuk tinggal di rumah anak saudara.

Atas faktor kesihatan, beliau tidak dapat hadir ke pejabat untuk membuat penyambungan Bantuan Kewangan Bulanan yang diterimanya sebelum ini.

Skuad Baitulmal MAIWP yang datang menziarahi beliau akan membantu membuat penyambungan Bantuan Kewangan Bulanan dan membantu



menguruskan permohonan Bantuan Perubatan.

Semoga Makcik Ropeah diberikan kesihatan dan dipermudahkan segala urusan.



EDITORIAL

Penasihat Mohd Nizam Yahya • **Ketua Editor** Mahadi bin Sukarno • **Editor** Sutera Manis Zamzam • Sajidah binti Sulaiman • Mohd Fauzi bin Ahmad • Nurul Aida Sazali • Rodiah binti Draman • Nik Ahmad Afham bin Nik Abdullah • Abdullah bin Usman • Noor Nazlia binti Nordin • Norazila binti Shariff • Khairul Fazli bin Tohfah • Badrul Shah bin Basri • Norazlin binti Asnin • Dzulhilmil bin Roslan • Muhamad Naquid bin Md. Yusoff • Muhamad Shafiq Muhaimin bin Mohd Zin • Muhammad Faiz bin Ismail • Qamarul Hazim bin Rosnan • Rohasikin binti Rusli • Ain Amirah Aisyah binti Md Daud • Mohd Shahir bin Anuar • Hanan binti Azhari • Nurul Amira binti Mohd Fazil

Sumbangan Banjir Untuk Kakitangan & Syarikat Milik MAIWP



Oleh: Noor Azman Kamal

Selangor, 8 Januari – Badan Kebajikan Pehidmat MAIWP (BKPM) meneruskan pengagihan sumbangan Kit Musibah Banjir kepada kakitangan yang terlibat.

BKPM berkesempatan menziarahi 15 buah rumah kakitangan MAIWP & Syarikat milik MAIWP antaranya PUSRAWI, PICOMS & Klinik Pusrawi (MHC) yang terjejas akibat bencana banjir di kawasan Dengkil, Banting, Shah Alam, Rawang, Sungai Buloh,

Puncak Alam, Pulau Carey dan Klang.

BKPM juga telah mengagihkan 'Kit Bantuan Banjir, Kit barangan elektrik, Kit makanan kering, kit peralatan ibadah serta kit peralatan pembersihan kepada kakitangan yang terlibat.

Diharap dengan sumbangan ini sedikit sebanyak dapat membantu meringankan beban dan memberi sinar keceriaan walaupun setelah beberapa minggu banjir berlaku.



RM10,135,680 Diperuntukkan Agensi Agama Khusus Untuk Pasca Banjir

Oleh: Sajidah Sulaiman

Putrajaya, 11 Januari – Agensi Agama di bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah memperuntukkan sebanyak RM10,135,680.00 khusus untuk pasca banjir yang melanda negara pada 18 dan 19 Disember 2021.

Agihan ini telah digerakkan sejurus bencana menimpa dan atas konsep 'Keluarga Malaysia' bantuan disalurkan tanpa mengira bangsa dan agama.

Majlis Penyampaian Sumbangan Kepada Mangsa Banjir Warga Agensi di Bawah Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) telah disempurnakan oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama), YB Senator Tuan Haji Idris Ahmad di Auditorium JAKIM, Putrajaya.

YB Senator Tuan Haji Idris berkata "sebagai menteri yang memegang portfolio agama telah meminta JAKIM menjadi penyelarass menggerakkan Skuad Musa'adah Keluarga Malaysia Agensi Agama bagi membantu mangsa banjir yang melanda seluruh negara khususnya di Lembah Kelang, Negeri Sembilan, Pahang, Johor dan kawasan lain yang teruk dilanda banjir baru-baru ini".

"Saya telah meminta semua agensi di bawah saya untuk terus mengambil tindakan pantas menyantuni mangsa-mangsa banjir yang terjejas demi memberikan gambaran bahawa kita sebagai keluarga Malaysia adalah bersaudara".

Turut hadir pada majlis ini YB Datuk Ahmad Marzuk Shaary, Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) dan Encik Mohd Nizam Haji Yahya, Pemangku Ketua Pegawai Eksekutif MAIWP.

Pada majlis ini seramai 338 warga agensi yang terlibat dengan musibah banjir turut menerima sumbangan wang tunai bernilai RM1,000.00 setiap seorang dengan jumlah peruntukkan sebanyak RM338,000.



Kebersamaan Keluarga MAIWP

Oleh: Sajidah Sulaiman

Dalam situasi pasca banjir, MAIWP telah menyalurkan pelbagai bentuk bantuan antaranya Bantuan Kewangan, Bantuan Healthcare telah menempatkan Klinik Prihatin di Dusun Nanding dan Kg Bukit Lanchong yang beroperasi memberi rawatan pasca banjir kepada penduduk.

MAIWP juga telah berjaya melahirkan MAIWP Mobile Clinic hasil kerjasama bersama MAPIM yang mana buat masa ini tertumpu di lokasi terjejas banjir bagi

memberi kemudahan perubatan kepada mangsa banjir.

Selain itu, MAIWP menerusi kolaborasi Hospital Pusrawi, PICOMS dan MAIWP Healthcare telah menempatkan Klinik Prihatin di Dusun Nanding dan Kg Bukit Lanchong yang beroperasi memberi rawatan pasca banjir kepada penduduk.

Terbaru MAIWP telah membentuk Skuad Cuci-Cuci MAIWP yang terdiri daripada pegawai MAIWP dan pelajar di kalangan

institusi MAIWP seperti PICOMS, IKB, dan KPBL.

Skuad Cuci-Cuci ini akan bergerak ke lokasi-lokasi yang terjejas teruk menghulurkan bantuan dan menjalankan aktiviti pembersihan rumah secara percuma.

Melalui aktiviti khidmat sosial ini, MAIWP dapat membuktikan kebersamaan dan keprihatinan di kalangan Keluarga MAIWP, bergabung tenaga turun padang membantu mangsa yang memerlukan.

Skuad Briged Kasih Darul Kifayah MAIWP

Oleh: Intan Suraiya

Pahang, 7 Januari – Pasukan Briged Kasih Darul Kifayah telah menjalankan misi amal di sekitar Pahang yang telah terjejas disebabkan bencana banjir besar pada 5 dan 6 Januari 2022 yang lalu.

Skuad ini menjalankan kerja-kerja pembersihan, serahan bantuan makanan, barangan asas dan bantuan wang tunai di sekitar kawasan Mentakab, Bentong, Lanchang dan Karak.

Skuad ini merupakan sebuah unit sukarelawan yang ditubuhkan oleh Darul Kifayah untuk bersama-sama membantu

mereka yang berada di dalam kesusahan dan memerlukan pertolongan, sama ada di kalangan kakitangan dan pelajar Darul Kifayah, warga MAIWP dan juga komuniti masyarakat.



Kutipan Dan Agihan Zakat di Wilayah Persekutuan 2021



Oleh: Sutera Manis

Kuala Lumpur, 10 Januari – MAIWP dan PPZ-MAIWP mengumumkan prestasi kutipan dan agihan zakat Wilayah Persekutuan bagi tahun 2021.

Jumlah keseluruhan kutipan zakat harta dan zakat fitrah bagi tahun 2021 adalah sebanyak RM828,670,791.16 dengan jumlah keseluruhan pembayar zakat seramai 1,152,297 orang.

Daripada jumlah tersebut RM816,483,466.58 adalah daripada kutipan zakat harta dan selebihnya RM12,187,324.58 zakat fitrah. Jumlah pembayar zakat harta adalah seramai 264,463 orang manakala pembayar zakat fitrah 887,834 orang.

Jumlah kutipan zakat harta meningkat sebanyak 9% iaitu daripada RM750,704,218.09 pada tahun 2020 kepada RM816,483,466.58 pada tahun 2021.

Begitu juga dengan jumlah pembayar daripada 237,119 orang pada tahun 2020 meningkat kepada 264,463 orang pada tahun 2021 iaitu peningkatan 12%.

Kutipan zakat fitrah turut meningkat 10% daripada RM11,055,587.69 pada tahun 2020 kepada RM12,187,324.58 pada tahun 2021 dengan jumlah pembayar 786,024 orang kepada 887,834 orang dalam tempoh yang sama iaitu kenaikan 13%.

Walaupun situasi COVID-19 memberi kesan kepada ekonomi negara dan ramai



yang hilang pekerjaan dan hilang punca pendapatan, tidak dinafikan, terdapat perniagaan atau individu yang membuat keuntungan contohnya perniagaan secara dalam talian dan menggandakan bayaran zakat mereka.

Pencapaian ini adalah hasil daripada aktiviti promosi dan dakwah zakat yang berterusan oleh semua pihak serta kesedaran mengenai zakat yang semakin meningkat dalam kalangan masyarakat.

MAIWP dan PPZ-MAIWP sentiasa proaktif dalam memastikan kesedaran menunaikan zakat dalam kalangan masyarakat terus meningkat agar nasib asnaf di Wilayah Persekutuan terus terbela.

Turut menyumbang kepada peningkatan kutipan zakat adalah kepelbagaian saluran bayaran zakat seperti perkhidmatan Kaunter Zakat Digital, Portal PPZ-MAIWP, Aplikasi MyZakat, MyTemujanji, Door To Door servis, Ride 2 U dan sebagainya yang mana dapat memudahkan urusan pembayaran zakat dilaksanakan.

Penutupan beberapa sektor ekonomi semasa Perintah Kawalan Pergerakan dikuatkuasakan menyebabkan ramai pekerja dari sektor pembuatan, sektor perniagaan terutamanya mereka yang bekerja sendiri jatuh dari golongan B40 malahan ada yang dari M40 kepada asnaf.

Skim Bantuan Zakat Baitulmal MAIWP

SKIM BANTUAN ZAKAT BAITULMAL MAIWP

KEBAJIKAN

1. Bantuan Kewangan Bulanan
2. Bantuan Aidilfitri
3. Bantuan Menyelesaikan Hutang
4. Bantuan Guaman Syarie
5. Bantuan Perkahwinan
6. Bantuan Kecemasan
7. Bantuan Musibah
8. Bantuan Tambang Dan Keperluan Diri
9. Bantuan Khairat Asnaf

SKIM BANTUAN ZAKAT BAITULMAL MAIWP

PERLINDUNGAN

1. Bantuan Deposit Sewa Rumah & Sewa Rumah Bulanan
2. Bantuan Membina Rumah/ Bantuan Membaiki Rumah
3. Bantuan Deposit Pembelian Rumah Kos Rendah

SKIM BANTUAN ZAKAT BAITULMAL MAIWP

PENDIDIKAN

1. Bantuan Am Persekolahan / Bantuan Persediaan Sekolah Berasrama
2. Bantuan Pakaian Dan Peralatan Persekolahan
3. Bantuan Yuran Tuisyen
4. Bantuan Am Pelajaran IPT/ Persediaan IPT
5. Bantuan Pelajar Kolej Profesional Baitulmal Kuala Lumpur
6. Bantuan Pelajar Kolej Universiti Antarabangsa PICOMS
7. Bantuan Insentif Galakan Hafaz Al-Quran
8. Biasiswa Baitulmal Insentif Khas Pelajar Cemerlang
9. Bantuan Latihan Kemahiran Industri
10. Bantuan Pematapan Agama Islam

SKIM BANTUAN ZAKAT BAITULMAL MAIWP

PERUBATAN

1. Bantuan Hemodialisis
2. Bantuan Peralatan Kesihatan
3. Bantuan Perubatan Am
4. Bantuan Khas Kanak-Kanak OKU

SKIM BANTUAN ZAKAT BAITULMAL MAIWP

PERUBATAN

1. Bantuan Hemodialisis
2. Bantuan Peralatan Kesihatan
3. Bantuan Perubatan Am
4. Bantuan Khas Kanak-Kanak OKU

SKIM BANTUAN ZAKAT BAITULMAL MAIWP

EKONOMI

1. Bantuan Perniagaan dan Bimbingan Keusahawanan
2. Bantuan Pertanian/ Perikanan/ Penternakan
3. Bantuan Motosikal OKU
4. Bantuan Deposit Sewabeli Teksi
5. Bantuan Deposit Kendaraan Perniagaan

SKIM BANTUAN ZAKAT BAITULMAL MAIWP

DAKWAH & PEMBANGUNAN UMMAH

1. Bantuan Aktiviti Dakwah dan Kebaikan
2. Bantuan Institusi Tahfiz dan Rumah Perlindungan

HAD KIFAYAH

Had Kifayah dari sudut bahasa ialah kadar keperluan (kecukupan). Manakala dari sudut syarak ialah kadar minima bagi keperluan asa dalam kehidupan seseorang. Secara ringkasnya Had Kifayah merujuk kepada suatu kada keperluan asas minimum yang di tetapkan berdasarkan kos sara hidup semasa. Had ini juga digunakan bagi mengetahui keadar yang perlu dibantu untuk menapati kecukupan perbelanjaan asasi.

Pernilaian yang dibuat dalam menentukan Had Kifayah ini merangkumi 6 aspek keperluan asas iaitu perlindungan, makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan.

PERLINDUNGAN

Perbelanjaan menyediakan perlindungan untuk seisi rumah termasuk sewa rumah, bil air, bil elektrik dan lain-lain berkaitan.

MAKANAN

Segala bahan makanan dan minuman yang dimakan oleh ahli rumah termasuk luar rumah.

PAKAIAN

Segala bentuk pakaian yang digunakan oleh ahli rumah seperti pakaian sekolah, kerja dan lain-lain yang berkaitan.

PERUBATAN

Merujuk kepada segala bentuk perubatan yang diambil oleh ahli rumah seperti hospital awam, farmasi dan lain-lain yang berkaitan.

PENDIDIKAN

Segala kos pendidikan ahli rumah seperti yuran pengajian, buku dan lain-lain yang berkaitan.

PENGANGKUTAN

Segala kos berbayar ahli rumah seperti kos tambang dan lain-lain yang berkaitan.

Jumlah pengiraan Had al-Kifayah ini akan dikira sebagai jumlah perbelanjaan bulanan yang diperlukan oleh pemohon. Ia kemudiannya akan dibandingkan dengan pendapatan isi rumah pemohon. Sekiranya jumlah pengiraan Had al-Kifayah lebih tinggi daripada pendapatan, maka pemohon adalah layak menerima bantuan zakat.